PP 10548/8/2010(025183)

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

JILID 2
10
MEI - OGOS

6 10 CARA MENCURI KERETA DAN BAGAIMANA MELINDUNGINYA

19 JANGAN PANDANG RINGAN MASALAH PADA TRANSMISI

20 100 MPV TINGKAT KEUPAYAAN PDRM

Apabila Balik Kampung, Bercuti Aidilfitri: Pastikan Semua Selamat

ISSN 1675-1361
9 771675 136103

SPANCO
PENGURUSAN FLEET PROFESIONAL

Servis Bermutu
Prestasi Terunggul

Pusat Servis Wilayah di Batu Caves menepati piawaian mutu tertinggi yang ditetapkan oleh SPANCO. Ia memiliki peralatan baik pulih automotif terkini yang dikendalikan oleh pakar yang berpengalaman, antaranya:

SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN FLEET BERSEPADU
Menggabungkan modul menyeluruh di mana sejarah servis dan senggaraan sesebuah kereta dapat dicapai melalui Internet dalam masa sebenar.

ALAT DIAGNOSTIK PROTON PADT
Mengesan, merekod dan membetulkan kerosakan pada sistem elektronik serta menguji komponen penggerak kereta.

ALAT PAM MINYAK ENJIN PNEUMATIK & PENGUMPUL SISA
Menyedut keluar minyak enjin yang sudah digunakan terus ke dalam bekas pengumpul sisa minyak.

DISPENSER MINYAK ENJIN
Memastikan kebersihan persekitaran melalui penuangan minyak enjin yang tepat tanpa tumpahan.

PENGECAS GAS PENDINGIN UDARA AUTOMATIK
Untuk vakum pantas dan cas semula gas pendingin udara.

ALAT PENJAJARAN RODA BERKOMPUTER
Untuk pelarasan tepat sistem geometri stereng.

RUANG ISTIRAHAT BERHAWA DINGIN
Dilengkapi televisyen berskrin lebar dan dispenser minuman layan diri. Sementara kereta diservis atau dibaiki, pelanggan boleh menunggu sambil menikmati minuman ringan, bahan bacaan dan siaran stesen kabel yang disediakan.

Untuk temujanji, sila hubungi talian

BEBAS TOL: 1-800-88-6999

Menarik keluaran ini

PERUTUSAN

04 Pemanduan Berhemah, Serlahkan Keriangan Syawal

KORPORAT

05 Zulkifli, Suradi Pikul Tugas Kanan di SPANCO

KESELAMATAN

06 10 Cara Mencuri Kereta dan Bagaimana Melindunginya

08 Pendekatan Baru Urus Keselamatan Pemandu

09 Peranan, Tanggungjawab Pemandu ke Arah Fleet Selamat dan Efisien

12 Apabila Balik Kampung, Bercuti Aidilfitri: Pastikan Semua Selamat

15 Bertengkar, Gurauan Cetuskan Risiko Ketika Memandu

PENJAGAAN KERETA

16 Beri Lebih Perhatian Kepada Kenderaan Baru

18 Pelanggan Ada 186 PSD Pilihan

19 Jangan Pandang Ringan Masalah Pada Transmisi

KHABAR PRIHATIN

20 100 MPV Tingkat Keupayaan PDRM

22 SPANCO Bersama Pelanggan

Jilid 2 | 2010 *Mei - Ogos*

prihatin
sentiasa bersama mu

PENAUNG
Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG
Peter Lim
Zulkifli Abd. Aziz
Rusman Bassri

PENERBIT
SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999
emel : *prihatin@spanco.com.my*
web : *www.spanco.com.my*

PENCETAK
Percetakan Lai Sdn Bhd
No. 1, Persiaran 2/118C
Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak
Cheras, 56000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-9173 1111 Faks : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN
Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan atau sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Pemanduan Berhemah, Serlahkan Keriangan Syawal

AIDILFITRI menjelma lagi dan menggamit perantau untuk balik ke kampung sepanjang Syawal ini. Sempena perayaan ini, tumpuan pastinya di semua laluan seluruh negara khususnya lebuh raya, jalan Persekutuan, jalan perbandaran mahupun kawasan kampung. Peningkatan kenderaan di atas jalan dan lebuh raya bakal mendedahkan pengguna kepada pelbagai risiko termasuk kemalangan sama ada berpunca daripada sikap atau kelalaian diri kita mahupun pengguna lain.

Menurut rekod Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Malaysia, kes kemalangan injuri yang menyebabkan maut terus meningkat walaupun kes cedera parah dan cedera ringan menunjukkan aliran menurun. Bagaimanapun, ketiga-tiga kes itu masih berada pada paras yang tinggi. Tahun lalu, sejumlah 6,218 kes kemalangan maut direkodkan berbanding 5,952 (2008), 5,672 (2007), 5,711 (2006) dan 5,604 (2005).

Merumuskan aliran statistik ini, ternyata kemalangan maut terus meningkat sejajar dengan pertambahan pendaftaran kenderaan di atas jalan raya setiap tahun. Pastinya, kenderaan dalam fleet SPANCO tidak terkecuali daripada berdepan risiko kemalangan. Namun untuk menghindarkan pengguna jalan raya daripada mengalami risiko itu ialah masing-masing perlu mengamalkan pemanduan berhemah dan selamat.

Untuk mencapai matlamat pemanduan berhemah dan selamat, ia turut disumbangkan oleh kenderaan yang berfungsi dengan baik. Justeru, SPANCO sentiasa memastikan kenderaan dalam fleet sentiasa disenggara, diservis dan dibaik pulih mengikut jadual demi keselesaan serta keselamatan pelanggan sekali gus turut menyumbang kepada keselamatan pengguna jalan raya lain.

> SPANCO sentiasa memastikan kenderaan dalam fleet sentiasa disenggara, diservis dan dibaik pulih mengikut jadual demi keselesaan serta keselamatan pelanggan sekali gus turut menyumbang kepada keselamatan pengguna jalan raya lain.

Pastinya kedua-dua buah Pusat Servis Wilayah di Batu Caves dan Bangi, di samping 186 Pusat Servis Diiktiraf di seluruh negara sentiasa bersedia untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan-pelanggan. Jangan lupa, gunakanlah talian **1-800-88-6999** untuk anda mendapatkan bantuan segera jika kenderaan mengalami kerosakan atau kemalangan di tengah jalan.

Mengambil kesempatan sempena Hari Lebaran ini, saya bagi pihak SPANCO mengucapkan Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua pelanggan yang dihormati. Kami turut merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pelanggan yang terus menyokong SPANCO serta memberi maklum balas yang membantu kami mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan fleet.

Sempena musim perayaan ini juga, marilah kita sama-sama menjaga disiplin diri dan cara pemanduan kita kerana semuanya bakal menyumbang kepada keselamatan pengguna jalan raya lain ataupun sebaliknya. Apa ertinya Aidilfitri yang mulia ini yang sepatutnya diraikan dengan keriangan bersama keluarga dan sanak saudara tetapi sebaliknya ada antara mereka terbabit kemalangan jalan raya.

Memandu dengan berhemah, ingat yang tersayang.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

Zulkifli, Suradi
Pikul Tugas Kanan di SPANCO

PERTUKARAN dua jawatan utama berlaku dalam SPANCO untuk mempertingkatkan lagi mutu Pengurusan Fleet Profesional dalam usaha membawa Syarikat terus menuju ke hadapan.

Bermula 1 Julai 2010, Zulkifli Abd Aziz, memegang jawatan Pengurus Khidmat Pelanggan manakala Suradi Haji Sulaiman pula menyandang tugas sebagai Pengurus Pentadbiran Fleet.

Zulkifli Abd Aziz

Pengurus, Khidmat Pelanggan

Zulkifli, 43, menyertai SPANCO pada 2000 dan pernah memegang pelbagai jawatan penting di Bahagian Perakaunan, Khidmat Pelanggan serta Pentadbiran Fleet.

Sebelum mengisi jawatan Pengurus Khidmat Pelanggan, beliau adalah Pengurus Pentadbiran Fleet sejak 1 April 2007.

Zulkifli pernah berkhidmat bersama Transfleet Holdings sebagai Pengurus Akaun sejak 1991.

Di Transfleet, beliau turut mengendalikan akaun untuk Gajah Navigations Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat fleet perkapalan.

Zulkifli memiliki Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Suradi Sulaiman

Pengurus, Pentadbiran Fleet

Suradi, 42, menyertai SPANCO sebagai Pengurus Khidmat Pelanggan pada 1 Oktober 2007.

Sebelum itu, beliau menimba 12 tahun pengalaman dalam sektor perbankan dan kewangan antaranya di Affin Finance Berhad selain InterFinance Berhad (kini RHB Delta Finance) sebagai Ketua Jabatan Kredit dan Pembangunan Perniagaan, Kuala Lumpur.

Beliau turut memiliki tiga tahun pengalaman dalam sektor pembuatan dan pernah menyandang jawatan Pengurus Kewangan dan Pentadbiran bersama Musa & Rahman Plastic Industries Sdn Bhd.

Menceburi sektor perkhidmatan pada 2005, Suradi adalah Ketua Jabatan Operasi Kawalan dan Audit bersama Alam Flora Sdn Bhd bagi Kawasan Perkhidmatan Kuala Lumpur (KLSA).

Di KLSA, beliau mengurus operasi harian untuk aktiviti pengutipan dan pembersihan selain berurusan dengan Jabatan Kawalan Pembersihan Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Suradi memiliki BA. (Hons) dalam Perakaunan dari Universiti Bolton, United Kingdom dan diploma dalam Pengajian Perbankan dari UiTM.

Zulkifli Abd Aziz

Suradi Sulaiman

> PERTUKARAN dua jawatan utama berlaku dalam SPANCO untuk mempertingkatkan lagi mutu Pengurusan Fleet Profesional dalam usaha membawa Syarikat terus menuju ke hadapan.

10 Cara Mencuri Kereta dan Bagaimana Melindunginya

BERIKUTAN kes kecurian kereta terus meningkat walaupun teknologi anti kecurian dicipta saban tahun, ramai pemilik kereta yang buntu dan tidak tahu apa lagi yang harus dilakukan selain mengelak daripada memandu kereta yang menjadi sasaran pencuri?

Perangkaan terbaru yang dikeluarkan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) menyebut 8,673 kereta persendirian dilaporkan dicuri sepanjang 2009 membabitkan lebih RM400 juta tuntutan.

Kebanyakan kereta import yang dicuri itu dipercayai diseludup ke luar negara manakala kereta-kereta buatan tempatan pula dileraikan untuk mendapatkan alat-alat ganti.

Sehubungan itu, berikut didedahkan 10 rahsia bagaimana sesebuah kereta dicuri dan cara membanterasnya berdasarkan maklumat yang disediakan oleh pakar kecurian kereta.

TEPUK KENDERAAN YANG HENDAK DICURI UNTUK MENGETAHUI SAMA ADA TERDAPAT ALAT PENGGERA

Bunyi nyaring alat penggera sudah menjadi kelaziman di tempat-tempat kereta berikutan penggunaannya semakin meluas sehingga ramai orang yang tidak lagi ambil peduli. Justeru seelok-eloknya gunakan sistem yang bukan sahaja memberikan amaran jika kenderaan anda diganggu malahan boleh memaklumkan anda melalui alat kelui atau telefon bimbit anda.

PECAHKAN CERMIN ATAU KUPIL KUNCI KERETA YANG HENDAK DICURI

Jangan 'goda' pencuri dengan meninggalkan barang berharga dalam kereta. Sebaliknya, simpan semua barang itu di tempat selamat atau tertutup. Lebih baik jika anda tidak membawa sebarang barangan berharga masuk ke dalam kereta. Ini kerana pencuri kini menggunakan alat khas untuk mengesan peralatan elektronik seperti kamera, komputer riba dan telefon bimbit. Jadi, elak daripada meninggalkan barangan itu dalam kenderaan. Menanggalkan 'faceplate' sistem stereo juga langkah bijak menghalang minat pencuri memecah masuk kenderaan anda.

POTONG SAHAJA STERENG JIKA IA DIKUNCI

Selain daripada sekadar menggunakan pengunci stereng yang boleh dipotong oleh pencuri (dengan mudah jika mereka betul-betul mahu), kenapa anda tidak 'mengunci' pergerakan kenderaan anda dengan memasang suis pelumpuh *'starter'*. Sistem ini akan mematikan pergerakan kenderaan jika enjin dihidupkan secara paksa.

Fleet SPANCO: Jumlah Kecurian Kereta dan Lokasi Ketika Dicuri

Tahun	Diletakkan di Rumah	Diletakkan di Tempat Awam
2006	7	1
2007	5	2
2008	4	4
2009	8	2

CARI JALAN MEMATIKAN PENGGERA DENGAN MEMOTONG WAYAR

Supaya sistem penggera tidak mudah dimatikan oleh pencuri kereta, sebaik-baiknya ia dipasang oleh pakar dalam bidang ini dan bukannya di kedai-kedai aksesori kereta yang biasa . Beri pertimbangan untuk menggunakan kabel kunci bertudung supaya pencuri tidak berupaya menyentuh bateri atau mekanisme penggera.

KENAL PASTI PERALATAN YANG DIPASANG MELALUI LOGO YANG DIPAMERKAN

Jangan pamerkan pelekat yang mendedahkan jenama sistem penggera atau sistem audio yang anda pasang kerana ia boleh menarik perhatian pencuri selain memudahkan lagi pekerjaan jenayah mereka.

AMBIL KESEMPATAN KERETA YANG DIBIARKAN HIDUP SEMASA PEMILIK PERGI MELAKUKAN URUSAN

Jangan sekali-kali meninggalkan kunci dalam kereta walaupun untuk urusan yang singkat. Kecurian kereta adalah jenayah yang berkait dengan soal peluang. Jadi, pastikan mereka sentiasa tiada peluang untuk mencuri barangan anda.

CARI MAKLUMAT PERIBADI PEMILIK DI DALAM KERETA YANG DICURI

Pastikan sebarang dokumen yang mengandungi maklumat peribadi yang sensitif seperti borang pendaftaran dan insurans sentiasa bersama anda dan jangan sekali-kali meninggalkannya dalam kereta.

CARI MODEL KERETA YANG HENDAK DICURI DI TEMPAT TUMPUAN ORANG RAMAI KERANA DI SITU ADA BANYAK PILIHAN

Semasa membeli-belah atau ke majlis keramaian, seberapa boleh, letakkan kenderaan dalam petak parkir atau garaj yang mempunyai kawalan keselamatan.

> Kebanyakan kereta import yang dicuri itu dipercayai diseludup ke luar negara manakala kereta-kereta buatan tempatan pula dileraikan untuk mendapatkan alat-alat ganti.

Jika tidak, jangan cuba memakir di sudut terpencil. Elok memakir kereta di kawasan terbuka dan boleh diperhatikan orang ramai yang lalu-lalang. Adalah bijak untuk membayar harga parkir yang lebih mahal daripada meletakkan kereta di petak percuma atau di tepi jalan yang sunyi.

CARI KUNCI PENDUA YANG DISEMBUNYIKAN

Jangan meninggalkan kunci simpanan dalam kereta atau menyembunyikannya di tempat tertentu seperti di bawah bampar. Pencuri tahu di mana tempat tersembunyi itu.

SALIN MAKLUMAT TERTENTU DAN BAWA KEPADA PENGELUAR UNTUK MENDAPATKAN KUNCI PENDUA

Bagi sesetengah jenama kereta, kunci pendua boleh diperolehi daripada pengeluar dengan membekalkan nombor siri tertentu. Justeru jangan dedahkan maklumat penting itu kerana penjenayah boleh menggunakannya secara tipu helah untuk mendapatkan salinan kunci daripada pengeluar kereta anda.

Demikianlah, 10 taktik yang digunakan oleh penjenayah untuk mencuri kereta. Diharapkan dengan maklumat ini, pemilik tahu apa yang dicari oleh pencuri kereta dan dapat menghindarnya.

Paling penting, seperti harta atau barangan berharga yang lain, cara terbaik melindungi kereta anda adalah dengan sentiasa mengambil langkah waspada dan beringat sebelum kena.

Pendekatan Baru Urus Keselamatan Pemandu

BERBINCANG mengenai risiko di jalan raya dan gaya pemanduan di kalangan sesama pemandu dengan pihak pengurusan fleet didapati lebih berkesan berbanding menawarkan insentif atau menganjurkan kempen untuk kumpulan itu, demikian yang dilaporkan di dalam majalah *Fleet News*.

Justeru, seorang pakar psikologi di *Driving Research,* United Kingdom, Dr Julie Gandolfi, menasihatkan pengurusan fleet mengadakan perbincangan berkumpulan dengan pemandu mereka dalam usaha menggalakkan pemanduan selamat.

"Perbincangan berkumpulan didapati benar-benar berkesan dalam mengurangkan kemalangan," katanya.

Kajian baru-baru ini, katanya, memperoleh bukti bahawa pengguna dan pemandu fleet yang berbincang secara mesra serta terbuka mengenai tabiat pemanduan mereka akan lebih cenderung memperbaiki pemanduan masing-masing selepas itu.

Beliau berkata, selepas memperdebatkan soal norma dan tabiat yang tidak boleh diterima, pemandu akhirnya mendengar pendapat rakan dan mengambil rumusan mengurangkan risiko diri sendiri serta memandu lebih berhemah.

"Ada banyak perbincangan yang agak bersifat peribadi di kalangan pemandu. Mereka kemudian menggariskan norma pemanduan yang akhirnya memperkukuhkan kecenderungan mereka untuk lebih berhemah apabila memandu," katanya.

> Pengguna dan pemandu fleet yang berbincang secara mesra serta terbuka mengenai tabiat pemanduan mereka akan lebih cenderung memperbaiki pemanduan masing-masing.

Dengan mempertahankan penggunaan profil penilaian peribadi, Dr Julie turut menyarankan pihak pengurusan fleet melakukan tindakan susulan secara aktif supaya pemandu mengekalkan sikap berhemah serta kemahiran pemanduannya.

"Kita boleh mendapatkan gambaran sebenar tahap risiko pemandu apabila pemandu melakukan penilaian diri sendiri secara jujur," katanya.

"Penilaian diri (setiap pemandu), boleh memperbaiki kemahiran pemandu," katanya sambil mengulangi peringatan kepada pengurusan fleet meneruskan siri perbincangan berkumpulan itu dan latihan secara berterusan.

sumber: Fleet News

Peranan, Tanggungjawab Pemandu ke Arah Fleet Selamat dan Efisien

TINDAKAN sentiasa dilakukan penyedia fleet untuk memastikan tahap keselamatan, senggaraan dan seliaan kenderaan namun pemandu serta pelanggan turut memainkan peranan penting menyumbang ke arah fleet yang selamat dan efisien.

Justeru, anda dan pemandu mempunyai beberapa tanggungjawab dari segi perundangan, keselamatan dan operasi termasuk anda mempunyai lesen, berkelayakan serta mematuhi peraturan lalu lintas.

> Lindungi daripada kecuaian seperti meredah banjir kerana tindakan itu boleh menyebabkan kerosakan enjin selain membahayakan diri dan penumpang.

Yang perlu dipatuhi:

- Memandu secara defensif, selamat dan sopan. Ingatlah! Faktor utama keselamatan pada sesebuah fleet ialah pemandunya.
- Pakai tali pinggang keledar kerana ia adalah undang-undang.
- Ubahsuai kedudukan bahagian penyandar kepala bagi memastikan kepala pada kedudukan betul.
- Gunakan cermin pandang belakang dan pandang sisi serta nyalakan lampu isyarat sebelum memasuki laluan baru.
- Gunakan lampu kecemasan apabila kenderaan rosak atau berhenti di tepi lebuh raya mahupun jalan-jalan awam yang lain.
- Patuhi semua undang-undang lalu lintas. Kesalahan lalu lintas atau memakir adalah tanggungjawab diri pemandu itu.
- Lakukan pemeriksaan 5 minit dari masa ke semasa bagi memastikan anda memandu kenderaan yang selamat (sila baca tip yang dilampirkan di akhir artikel ini).
- Lindungi kenderaan daripada kerosakan, kecurian atau disalahguna.
- Lindungi daripada kecuaian seperti meredah banjir kerana tindakan itu boleh menyebabkan kerosakan enjin selain membahayakan diri dan penumpang.
- Kunci semua pintu dan simpan semua barangan berharga apabila meninggalkan kereta.

Pemandu profesional sentiasa:

- Selamat dan bersopan
- Mematuhi undang-undang lalu lintas.
- Memahami pengguna jalan raya yang lain.
- Bertolak ansur.
- Jadi contoh kepada pengguna lain.

- Pulangkan kunci apabila anda memulangkan kenderaan kepada jabatan anda atau pegawai bertanggungjawab.
- Sentiasa menyimpan kenderaan di kawasan memakir yang selamat.
- Buat laporan polis jika mengalami kemalangan walaupun membabitkan kerosakan kecil.
- Maklumkan kepada SPANCO melalui talian bebas tol **1-800-88-6999** supaya kemalangan dapat diuruskan secepat dan sebaik mungkin.
- Laporkan segera kecurian kenderaan atau sebarang benda di dalamnya kepada polis.
- Tarik brek tangan sebelum meninggalkan kenderaan.
- Membawa lesen memandu yang asal.
- Sentiasa layak dan upaya untuk memandu (sila baca tip di sebelah).

Perkara yang tidak patut dilakukan:

- Tidak merokok ketika memandu kenderaan fleet.
- Tidak menggunakan kenderaan fleet jabatan untuk urusan peribadi. Elakkan sebarang perkara yang boleh mencetuskan salah anggap.
- Tidak membawa keluarga, rakan dan sesiapa saja bukan penjawat awam dalam kenderaan jabatan tanpa kebenaran ketua jabatan.
- Tidak menggunakan kenderaan jabatan untuk berulang alik ke rumah atau memakirnya di kediaman tanpa kebenaran bertulis pegawai bertanggungjawab terlebih dahulu.

Faktor yang boleh menjejaskan prestasi dan tumpuan kerja seseorang:

- Ada pekerjaan lain.
- Melayan hobi atau hiburan yang keterlaluan.
- Tidak cukup tidur.
- Mengalami tekanan emosi.
- Mengambil dadah atau meminum arak atau ubatan tertentu.
- Memenuhi desakan keluarga atau sesuatu perhubungan.
- Perubahan di dalam jadual seharian.
- Ada masalah kesihatan.

Banyak faktor ini boleh mengakibatkan sesiapa sahaja termasuk pemandu lesu dan tidak bermaya seterusnya tidak mampu menjalankan tugas.

Manakala masalah kesihatan atau pengambilan ubatan pula boleh menjadikan daya berfikir atau tindak balas menjadi lemah.

Justeru bagi memastikan jalan raya selamat, setiap pemandu bertanggungjawab untuk datang dalam keadaan sihat dan layak untuk bekerja.



- Tidak memandu kenderaan tanpa mengenakan tali pinggang keledar dan memastikan semua penumpang mengikat tali pinggang mereka.
- Tidak menggunakan telefon selular ketika memandu. Ia boleh menjejaskan pemanduan di samping menyalahi undang-undang.
- Jangan gunakan telefon selular semasa berada di stesen minyak kerana suis dan bateri di dalamnya mengeluarkan caj yang boleh menyebabkan letupan atau kebakaran.

Sebuah fleet yang selamat dan efisien mampu menjimatkan perbelanjaan Negara seperti dari segi kecekapan bahan api, tahap ketersediaan kenderaan yang tinggi dan mengurangkan kadar kemalangan. Selain itu ia mampu meningkatkan produktiviti di mana hasilnya pasti dapat dinikmati bersama oleh kita semua.

Sebuah fleet yang selamat dan efisien mampu menjimatkan perbelanjaan Negara seperti dari segi kecekapan bahan api, tahap ketersediaan kenderaan yang tinggi dan mengurangkan kadar kemalangan.

Memandu kenderaan yang selamat

Pemandu dan pengguna bertanggungjawab memeriksa kenderaan mereka bagi memastikan ia selamat dipandu dan melaporkan sebarang masalah kepada penyedia fleet.

Galakkan pemandu anda melakukan sekurang-kurangnya pemeriksaan sepintas lalu seperti memeriksa tayar dan mengesan masalah melalui bunyi enjin sebelum mereka memandu.

Semua amalan ini membantu memastikan kenderaan sentiasa selamat selain mengesan sebarang keperluan untuk baik pulih dan senggaraan sekali gus mengurangkan risiko kerosakan di tengah-tengah perjalanan.

Periksa sekurang-kurangnya:

- Tekanan udara pada tayar sentiasa mencukupi.
- Nat roda sentiasa ketat dan roda dalam keadaan tiada kerosakan.
- Tidak ada kerosakan keterlaluan yang boleh dianggap bahaya.
- Semua petunjuk, lampu belakang dan brek menyala manakala cerminnya tidak tercalar atau pecah.
- Lampu sorot depan berfungsi pada semua peringkat.
- Penyembur air dan penggilap cermin berfungsi.
- Hon berbunyi.
- Cukai jalan dan pendaftaran kenderaan tidak lupus.
- Tali pinggang keledar dalam keadaan yang baik.
- Paras minyak enjin dan air pada tahap yang betul.

Apabila Balik Kampung, Bercuti Aidilfitri: Pastikan Semua Selamat

KEMERIAHAN Aidilfitri menjelma lagi tetapi dalam keseronokan bercuti atau balik kampung, jangan sekali-kali abaikan keselamatan diri serta keluarga mahupun harta benda seperti rumah dan kenderaan yang ditinggalkan.

Awas, kes pecah rumah lazim meningkat secara mendadak ketika musim perayaan. Justeru, warga kota yang mahu pulang ke kampung atau pergi bercuti perlu melakukan beberapa langkah pencegahan.

Lindungi rumah anda

- Baiki semua jeriji pintu dan tingkap yang rosak.
- Pastikan semua kunci dalam keadaan baik.
- Jika pernah kehilangan kunci sebelum ini, pastikan anda menukarnya dengan yang baru.

Jangan tunjuk anda tiada di rumah

- Jangan tinggalkan nota mengatakan anda tiada di rumah.
- Batalkan semua penghantaran surat khabar dan langganan lain.
- Gunakan set alat pemasa supaya lampu menyala hanya pada waktu malam.
- Programkan juga set alat pemasa pada radio supaya seolah-olah ada orang atau aktiviti di rumah.

Bantuan jiran dan polis

- Minta pertolongan jiran untuk perhatikan rumah anda.
- Daftar dengan program Rakan Cop. Untuk mendaftar, hantarkan SMS berikut kepada 32728 : POLISKL BK [alamat anda] [tempoh tiada di rumah]
- Layari laman web *www.rakancop.net* atau hubungi balai polis berhampiran untuk maklumat lanjut.

> Warga kota yang mahu pulang ke kampung atau pergi bercuti perlu melakukan beberapa langkah pencegahan.

Panduan Keselamatan Di Jalan Raya

Persiapan diri dan kenderaan amat penting sebelum memulakan perjalanan. Bagi pelanggan SPANCO, sila hantar kenderaan ke Pusat Servis Diiktiraf (PSD) untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya seminggu sebelum pulang ke kampung. Pastikan cukai kereta dan perlindungan insurans tidak luput.

Sebelum memandu:

- Pastikan tayar termasuk simpanan, bateri, minyak pelincir, pendingin hawa, tali sawat, lampu penunjuk dan isyarat kenderaan dalam keadaan sempurna.
- Bawa peralatan sokongan - lampu suluh, payung dan fius gantian di dalam kenderaan.
- Pastikan alat penggera dan keselamatan lain seperti kunci stereng dan gear berfungsi dengan baik.
- Jangan bawa penumpang dan muatan berlebihan.

Ketika memandu, pastikan:

- Anda dan penumpang memakai tali pinggan keselamatan.

> Bagi pelanggan SPANCO, sila hantar kenderaan ke Pusat Servis Diiktiraf (PSD) untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya seminggu sebelum pulang ke kampung.

- Memberi perhatian kepada isyarat, papan tanda dan pengguna jalan raya lain terutama motosikal.
- Tidak mengekori kenderaan lain terlalu rapat.
- Tidak merokok atau menggunakan telefon bimbit.
- Sentiasa mematuhi had laju ditetapkan.
- Mengurangkan kelajuan ketika hujan dan pasang lampu hadapan apabila hujan lebat.
- Waspada terhadap penunggang motosikal yang berteduh di bawah jambatan.

Tip penting untuk diamalkan:

- Hantar kereta untuk servis lengkap sekurang-kurangnya seminggu sebelum perjalanan jauh.
- Tumpukan perhatian kerana kebanyakan kemalangan berlaku akibat pemandu hilang tumpuan kerana berangan-angan, mengantuk, keletihan, bercakap-cakap dan sebagainya.
- Jangan memandu laju kerana ia meningkatkan risiko bukan saja kepada anda malah penumpang dan pengguna jalan raya lain.
- Jangan memandu dalam keadaan mengambil dadah dan ubatan selain letih, sakit atau cedera.
- Ketahui *'blind spot'* anda - pastikan pandangan yang jelas apabila memandu. Adalah penting untuk menyelaraskan cermin tepi dan belakang ke posisi yang meliputi pandangan sekeliling kenderaan kita.

Pastikan juga:

- Gunakan lorong kiri jika tidak memotong dan beri lampu isyarat jika mahu memotong.
- Sentiasa tenang, sabar serta elakkan terburu-buru atau berlumba untuk sampai ke destinasi.
- Tidak memandu dalam keadaan tidak sihat atau fikiran tertekan, mengantuk atau letih.
- Tidak berhenti di lorong kecemasan lebuh raya untuk berehat atau ambil angin.
- Tidak bertengkar atau bergurau secara melampau dalam kenderaan.

Mulakan perjalanan dengan persediaan sempurna:

- Sediakan duit minyak dan bayaran tol secukupnya.
- Bawa bekalan makanan dan minuman.
- Jangan membawa penumpang dan muatan berlebihan.
- Dapatkan tidur yang cukup.
- Makan secara sederhana dan elak makanan yang boleh menyebabkan anda mengantuk.
- Jadualkan perjalanan dan waktu rehat.

Cara menghindarkan rasa mengantuk dan letih:

- Rancang perjalanan dan tidur secukupnya sebelum memandu.
- Memandu tidak lebih lapan hingga 10 jam.
- Mulakan perjalanan awal pagi dan elak memandu hingga larut malam.
- Berhenti di tempat rehat setiap dua jam perjalanan. Keluar kenderaan dan berjalan-jalan untuk melancarkan perjalanan darah.
- Jangan makan berlebihan.

Akhir sekali:

- Jangan lupa pastikan kereta sentiasa diletakkan di tempat yang selamat ketika di kampung.
- Ketahui tempat yang sering dinaiki air.
- Sentiasa waspada terutama di jalan kampung yang sempit, tidak berturap atau tidak berlampu ketika menziarahi sanak saudara.

Semoga percutian anda sepanjang Aidilfitri ini meriah dan anda sekeluarga selamat tiba ke kampung halaman serta kembali semula ke kota.

> Jangan lupa pastikan kereta sentiasa diletakkan di tempat yang selamat ketika di kampung.

Sila simpan nombor dan pautan berikut dalam telefon bimbit anda:	
Talian Bebas Tol SPANCO	1-800-88-6999
PLUSLine: Merangkumi PLUS, ELITE, NKVE, Lebuhraya Persekutuan (Route 2), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Kulim-Butterworth (KLBK) dan Linkedua	1-800-88-0000
Jambatan Pulau Pinang (BRIDGELINE)	1300-1300-03
Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur	09-547 9111
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM): Laporan trafik dalam masa sebenar WAP PDA	1-800-88-7752 *www.llmtrafik.gov.my/wap* *http://m.llmtrafik.gov.my/*



Bertengkar, Gurauan Cetuskan Risiko Ketika Memandu

ELAKKAN kanak-kanak bertengkar ketika anda sedang memandu kerana menurut pakar keadaan itu boleh menjejaskan tumpuan pemanduan sekali gus mendedahkan seisi kenderaan kepada pelbagai risiko.

Hasil kajian *Direct Line* di United Kingdom, mendapati kebingitan akibat pertengkaran kanak-kanak menyebabkan tindak balas pemandu berkurangan sehingga 13 peratus.

Tindak balas lebih perlahan itu menunjukkan orang yang memandu dalam keadaan anak-anak bertengkar bakal menyaksikan pertambahan 4 meter bagi jarak berhenti ketika memandu pada kelajuan 70 batu/sejam (bsj).

Pertambahan itu juga sama seperti jarak berhenti ketika memandu dengan paras alkohol dalam darah yang dibenarkan di United Kingdom (80mg/100ml).

Kebingitan kanak-kanak bertengkar di tempat duduk belakang terbukti mengganggu tumpuan yang boleh menyebabkan 40 peratus lebih tekanan apabila pemandu menekan brek kerana hilang tumpuan, demikian satu lagi hasil kajian itu.

Pemandu yang terbabit kajian itu juga gagal mengekalkan kelajuan atau jarak kereta dengan kenderaan di hadapan secara berterusan, kerana terjejas dengan pertengkaran kanak-kanak.

Bukan setakat menjejaskan tumpuan memandu, kebingitan pertengkaran mereka meningkatkan paras stres sehingga 28 peratus.

Lebih menakutkan, penyelidikan baru-baru ini mendapati stres menjadi faktor yang menyumbang kepada risiko kemalangan sama ada secara pertembungan atau rempuhan.

Apabila peserta kajian itu ditanya berikutan hasil kajian berkenaan, mereka dilaporkan berasa lebih stres, terganggu, kurang yakin, kurang selamat dan hilang tumpuan apabila memandu dalam keadaan kanak-kanak bertengkar.

> Hasil kajian *Direct Line* di United Kingdom, mendapati kebingitan akibat pertengkaran kanak-kanak menyebabkan tindak balas pemandu berkurangan sehingga 13 peratus.

Namun, walaupun menyedari kebingitan pertengkaran kanak-kanak menjejaskan pemanduan, kajian mendapati pemandu terbabit tidak pun memperlahankan kelajuan kenderaan dan mengambil kira gangguan berkenaan.

Pakar permotoran *Direct Line,* Andy Goldby, berkata: kajian ini menunjukkan ramai ibu bapa, penjaga atau sesiapa saja yang memandu kereta dengan kanak-kanak adalah dalam keadaan yang mudah terjejas apabila kanak-kanak mencetuskan gangguan kepada tumpuan mereka.

Di sini, tiada jalan mudah membendung gangguan yang dicetuskan kanak-kanak sama ada pertengkaran atau gurau melampau ketika dalam kenderaan.

Justeru, nasihat pakar bagi memastikan anda sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan telatah kebosanan atau pertengkaran kanak-kanak ialah menyediakan aktiviti dalam kereta seperti permainan video dan bahan bacaan selain lebih kerap berhenti untuk menghirup udara segar mahupun menikmati hidangan.

Penyelidik kanan faktor kemanusiaan, Dr Nick Reed, menambah kajian itu menunjukkan ada gangguan yang dapat dilihat pada pemanduan disebabkan kebingitan pertengkaran kanak-kanak.

Kerana itu, pemandu harus berhati-hati mengenai risiko apabila melakukan perjalanan jarak jauh bersama kanak-kanak. Yang pasti, mesti ada langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan gangguan itu. Berhenti rehat bukan setakat menyediakan peluang menikmati hidangan dan hiburan malah membolehkan pemandu membuat panggilan telefon atau menghantar teks sistem pesanan ringkas (SMS) yang tidak dapat dilakukan ketika memandu.

sumber: Fleet News

Beri Lebih Perhatian Kepada Kenderaan Baru

BERIKUTAN keperluan pengangkutan, operasi dan fleet yang sentiasa berubah, pemandu sering diperlukan untuk mengendalikan kenderaan yang mereka tidak biasa.

Jika ini berlaku, pemandu fleet mesti bersedia untuk memandu kenderaan baru atau model yang berlainan.

Ada beberapa panduan asas untuk anda patuhi:

- Baca manual kenderaan sebelum memandu untuk mengetahui perbezaannya.
- Ambil sedikit masa untuk mempelajari ciri-ciri, saiz, pengendalian, papan pemuka, cermin, brek, lampu mahupun penyesuaian posisi tempat duduk.
- Berlatih mencari dan menggunakan punca kawalan mahupun suis sebelum anda bergerak.
- Memberi tumpuan ketika membelok, membrek, memakir dan ketika di kedudukan curam serta meletakkan jarak ketika di atas jalan.

Memandu kenderaan yang baru atau berlainan turut menuntut supaya pemandu diberi nasihat khusus terutama apabila bertukar daripada kenderaan pacuan roda belakang kepada pacuan roda hadapan.

Bagi pacuan roda hadapan, kuasa dari enjin dihantar terus ke roda depan kenderaan. Ini meningkatkan daya heretan dan keselamatan serta keupayaan memandu dalam cuaca buruk bagi kebanyakan pemandu.

Pemandu juga perlu memeriksa brek dan tayar depan dengan kerap kerana kedua-duanya mengendalikan 75 peratus proses memberhentikan kenderaan.

Jika anda bertukar dari kenderaan pacuan belakang kepada pacuan hadapan, yang mana ini lazim berlaku sejak 15 tahun lalu, anda harus berhati-hati kerana kedua-duanya bertindak secara berbeza.

Kelebihan pacuan hadapan

- Pengeluaran dan bahan bakar lebih efisien.
- Penggunaan ruang yang sangat efisien.
- Lebih heretan pada permukaan jalan yang licin.

Kekurangan pacuan hadapan

- *Torque steer* -

> Baca manual kenderaan sebelum memandu untuk mengetahui perbezaannya.

tayar terheret ke sebelah mungkin menjadi masalah jika dipandu terlalu laju kerana roda hadapan terpaksa mengemudi dan memecut sekali gus.

- Perlu lebih berhati-hati ketika memandu menuruni jalan curam yang licin. Yang penting pastikan kelajuan kenderaan stabil selain tegak dan seimbang yang boleh.

Kelebihan pacuan belakang

- Berat diagihkan dengan lebih seimbang, pengendalian lebih mudah dijangkakan serta *torque steer* yang minimum.
- Keseimbangan membantu kenderaan membelok dengan lebih baik.
- Memudahkan muatan besar ditarik kerana paksi kuasa iaitu roda belakang adalah lebih hampir dengan muatan yang ditunda itu.

Kekurangan pacuan belakang

- Potensi kepada belok lampau *(over steer)* dan bahagian belakang kenderaan terbuai *(fishtailing)*.
- Boleh hilang daya heretan dan mudah tergelincir di atas permukaan berpasir.
- Mengurangkan ruang dalaman dan ruang kaki.
- Muatan pada kedudukan lebih tinggi dan kemungkinan tidak stabil bila beban berlebihan di belakang.

Awas! Jangan ambil mudah jika memandu kenderaan yang anda tidak biasa dan kendalikan ia sebaik mungkin demi keselamatan diri serta pengguna jalan raya lain. Anda dinasihatkan:

- Ambil masa secukupnya untuk melakukan perjalanan dan baca manual kenderaan.
- Bersedia lebih awal jika itu perjalanan yang pertama.
- Pelajari semua kawalan dan ciri kenderaan itu terlebih dahulu.
- Pandu cermat dan sentiasa beri tumpuan.

Walaupun faktor memandu kenderaan yang pemandu tidak biasa bukan penyumbang utama kemalangan, namun anda diwajibkan membiasakan diri dengan kenderaan itu sebelum memandunya.

Pelanggan Ada 186 PSD Pilihan

PELANGGAN mempunyai banyak pilihan untuk menghantar kenderaan kerana selain Pusat Servis Wilayah (PSW) di Batu Caves dan Bangi, Selangor, ada 186 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) oleh SPANCO di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan itu.

PSD adalah panel pusat servis yang dilantik dan diiktiraf oleh SPANCO untuk mengendalikan kerja pembaikan dan penyenggaraan kenderaan fleet.

PSD dilantik dari kalangan Pusat Servis Proton Edar, EON dan pengusaha bebas.

Kriteria pemilihan adalah lokasi, kelengkapan yang digunakan, kemahiran, mesti pusat servis yang berdaftar, jenis servis dan hanya menggunakan alat ganti tulen.

Setakat Ogos 2010, SPANCO melantik 186 PSD di seluruh negara yang menyediakan perkhidmatan pembaikan dan penyenggaraan seperti khidmat tunda, pembaikan kemalangan, servis lazim, servis tayar, bateri dan hawa dingin.

Bagi menjamin tahap perkhidmatan yang bermutu tinggi, pasukan SPANCO melakukan audit terhadap PSD dari masa ke semasa.

Justeru, pelanggan SPANCO diwajibkan untuk menghantar kenderaan fleet yang digunakan oleh mereka hanya ke PSW atau PSD.

Anda boleh mendapatkan senarai PSD yang lengkap dan terkini dengan melayari laman web rasmi SPANCO di: *www.spanco.com.my*

PSD yang diketengahkan untuk pengetahuan pelanggan kali ini

SNS KEMBARA UTAMA SDN. BHD. (782492 - P)
Lot 11855, Jalan Tun Abdul Razak
30100 Ipoh, Perak.

Telefon : 05-529 3989
Faks : 05-529 3986
Waktu perniagaan : 9 pagi hingga 6 petang.
Hari dibuka : Isnin hingga Sabtu.

Jenis perkhidmatan yang disediakan melalui pusat khidmat sehenti ini ialah:

- Servis senggaraan
- Servis tayar
- Penjajaran dan pengimbangan
- Baik pulih kemalangan (Piam no. : PK0106)
- Mengecat *(2K oven painting)*
- Servis hawa dingin
- *Tinted (B – Cool)*
- Mengusung kereta (24 jam)
- Aksesori dan kit badan

Maklumat hubungi: Syed Nasrul Azmi (012-518 1771) atau Sam Chang (012-505 2068).

Jangan Pandang Ringan Masalah Pada Transmisi

JANGAN abaikan sistem transmisi kenderaan anda sehingga berlaku masalah besar. Sistem itu adalah bahagian yang sangat penting dalam sesebuah kenderaan dan sebarang petunjuk mengenai kerosakannya memerlukan pemeriksaan segera. Baik pulih semestinya lebih mudah selain mengambil sedikit masa dan perbelanjaan jika kerosakan itu dikesan pada peringkat awal.

Jika anda menyedari masalah dan bertangguh-tangguh untuk memeriksanya, sistem transmisi anda mungkin berakhir dengan keperluan melakukan rombak rawat berbanding membetulkannya dalam masa singkat. Elakkan sikap ini kerana ia turut mendedahkan kenderaan anda rosak di tengah jalan.

Delayed engagement

Delayed engagement atau tindakan yang lambat adalah amaran yang tidak boleh anda abaikan. Ia lebih ketara kalau kenderaan itu tidak digunakan untuk sekian lama. Bila anda meletakkan kaki untuk memasukkan gear, kereta anda sepatutnya akan mahu serta-merta 'menerkam' sama ada ke depan atau ke belakang bergantung kepada gear yang dipilih.

Jika sebaliknya, transmisi anda mungkin ada masalah. Cari mekanik berkelayakan untuk memeriksanya. Walaupun masalah ini biasanya bermula dengan *delayed engagement* ia mungkin berakhir dengan kereta anda tidak bergerak sama sekali kerana kerosakan gear.

Slippage

Satu lagi petanda transmisi anda perlu diperiksa adalah apabila ia tergelincir *(slippage)*. Transmisi anda mula tergelincir apabila pedal minyak telah ditekan tetapi kereta anda tidak bertindak balas dan seolah-olah 'terperangkap' dalam keadaan neutral.

Ini memerlukan kenderaan diperiksa serta-merta. Jika keadaan ini berlaku, ia sesuatu yang sangat menakutkan terutama jika anda sedang dalam pemanduan yang laju atau ketika cuba memotong kenderaan lain.

Bunyi

Jika bunyi bising mula kedengaran dari kereta anda, ini memerlukan pemeriksaan secepat mungkin. Apabila komponen transmisi mula menghentam atau bergeseran sesama sendiri, kerosakan boleh berlaku. Transmisi terdiri daripada pelbagai komponen yang dicipta untuk beroperasi dengan licin tanpa banyak penggeseran. Apabila sesebuah komponen mula rosak, ia akan mempengaruhi kelancaran komponen yang lain.

> Apabila sesebuah komponen mula rosak, ia akan mempengaruhi kelancaran komponen yang lain.

Justeru bunyi hentakan atau cakaran daripada transmisi perlu diperiksa segera! Jika kerosakan itu dapat ditangani sebelum ia menjejaskan komponen lain, pastinya ia dapat mengurangkan kos yang lebih besar dari poket anda.

Kebocoran

Tanda lain ialah seperti ada titisan cecair pada bawah kenderaan atau lampu amaran menyala. Jika anda merasakan ada perubahan pada kereta anda, pastikan anda memeriksanya.

Kereta adalah satu pelaburan yang besar, dan ia perlu diberi perhatian. Saranan pengilang mengenai servis perlu dipatuhi bagi menjamin transmisi terus kekal dalam kondisi yang baik. Jangan tersadai di tengah jalan gara-gara masalah transmisi. Justeru jika perubahan berlaku atau mensyaki berlaku kerosakan, periksa ia dengan segera.

100 MPV Tingkat Keupayaan PDRM

SEJUMLAH 100 kereta peronda jenis Waja CPS 1.6 AT, diserahkan oleh SPANCO kepada pengurusan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di perkarangan Pusat Servis Wilayah Batu Caves, pada 19 Julai dan 16 Ogos lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh menyerahkan kunci replika kepada Penolong Pengarah Logistik PDRM, Dato' Azri Ahmad bagi menandakan penyerahan 50 unit kereta peronda MPV pada 19 Julai.

Sebelum itu, lima unit kereta peronda jenis *Mobile Patrol Vehicle* (MPV) dihantar kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN), Dato' Seri Mahmood Adam, untuk diuji pada 9 Jun lalu.

Kemudian, majlis menandatangani dokumen perjanjian antara SPANCO, KDN dan PDRM diadakan di kementerian itu di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada 7 Julai.

Susulan itu, SPANCO menganjurkan beberapa sesi taklimat untuk anggota PDRM mengenai kelebihan perkhidmatan yang disediakan Pengurusan Fleet Profesional dalam membekal dan menyenggara MPV berkenaan.

Majlis penutup sesi taklimat itu diadakan di Dewan Azam, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Petaling Jaya pada 28 Julai.

Dalam urusan pembekalan MPV ini, SPANCO hanya membekalkan kenderaan, pelekat dan set lampu bikon manakala peralatan komunikasi seperti C4i dan RMPnet di bawah kawalan selia PDRM.

SPANCO JAMIN PERKHIDMATAN TERBAIK

Pelanggan turut berkongsi pendapat dengan PRIHATIN mengenai pembekalan kereta peronda jenis Waja CPS 1.6 AT oleh SPANCO dalam pasukan peronda Polis DiRaja Malaysia (PDRM), mulai Julai 2010 lalu.

Sarjan Mejar Roslin Salleh, Ketua Kenderaan IPD Petaling Jaya, menyambut baik penyerahan itu kerana memudahkan penyenggaraan MPV di bawah urusan SPANCO dan tidak perlu lagi buat di bengkel IPD.

"Dengan itu, tindakan bagi kerosakan diambil dengan cepat oleh pasukan SPANCO. Ini sangat penting kerana kereta peronda perlu sentiasa bersiap sedia.

"Biar kenderaan itu diurus dan diselenggara dengan baik oleh pihak yang pakar," katanya sambil memberitahu MPV itu akan ditumpukan ke Sea Park dan Damansara dalam usaha mempertingkatkan lagi keupayaan rondaan.

Beliau berharap MPV itu digunakan sebaik-baiknya bagi mengurangkan kadar jenayah selaras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri,

Dari kiri: Pengarah Jabatan Logistik PDRM, Dato' Mahsuri Zainal; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KDN, Dato' Md Nor Hashim dan Pengerusi SPANCO, Mej. Jen. (B) Dato' Osman Mohd Zain mewakili pihak masing-masing semasa majlis menandatangani dokumen perjanjian yang diadakan di Putrajaya pada 7 Julai.

Antara salah sebuah daripada 100 unit MPV yang dibekalkan oleh SPANCO kepada PDRM.

Dari kiri: Dato' Mahsuri, Dato' Hamzah, Dato' Osman dan Dato' Md Nor memeriksa sebuah kereta peronda MPV di hadapan ibu pejabat KDN pada majlis menandatangani dokumen perjanjian.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abd Razak.

Sarjan Khalid Shaaban, Sarjan Pengangkutan IPD Petaling Jaya

melahirkan kegembiraan berikutan penyerahan MPV itu iaitu dari sudut servis dan sudut kebajikan.

"Pertama, servis yang diuruskan SPANCO memberi jaminan bahawa pembaikan dan penyenggaraan kereta MPV akan dilakukan dalam masa singkat.

"Kedua soal kebajikan di mana insurans kemalangan disediakan SPANCO selain PDRM sendiri sebagai perlindungan untuk pemandu dan penumpang MPV jika perkara yang tidak diingini berlaku," katanya.

Seorang pemandu MPV, **Lans Koperal Hafiz Hashim**, dari Balai Polis

Sea Park, Petaling Jaya ketika ditemui di Pusat Servis Wilayah Batu Caves, berkata ada 10 hingga 11 unit MPV di balai beliau bertugas dan lapan daripadanya disenggarakan SPANCO.

"Penggunaan khidmat SPANCO dalam membekal dan menyenggara kereta MPV adalah bagus kerana servis akan dilakukan sepenuhnya oleh mereka.

"Saya secara peribadi berpuas hati dengan servis yang diterima setakat ini. Kemudahan di pusat servis SPANCO adalah lebih daripada selesa selain ada layanan yang bagus dan mesra pelanggan," katanya.

> "Servis yang diuruskan SPANCO memberi jaminan bahawa pembaikan dan penyenggaraan kereta MPV akan dilakukan dalam masa singkat.

SPANCO
Bersama Pelanggan

Pengurus Cawangan, Azmi Yusuff menyerahkan kunci kepada seorang pelanggan. Unit-unit Markas Tentera Darat, Sarawak menerima 16 buah kereta jenis Proton Saga BLM pada Mei lalu.

Pasukan dari Jabatan Audit Negara Malaysia (Bahagian Kajian Khas) melakukan lawatan semasa sesi taklimat dan perbincangan di PSW Batu Caves pada 3 Mei.

Eksekutif Akaun, Ibrahim Arshad menjelaskan prosedur yang perlu dipatuhi semasa penyerahan kereta kepada pelanggan-pelanggan di Pulau Pinang pada 5 Mei.

Penyerahan kereta bagi pelanggan-pelanggan di Perak pada 6 Mei.

Anthony Frederick Charles, Ketua Perkhidmatan Selepas Jualan EON, Cawangan Alor Setar, turut melakukan kerja-kerja pembaikan semasa penganjuran klinik servis di Langkawi pada 12 Mei.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melakukan lawatan kerja ke PSW Batu Caves pada 13 Mei.

Taklimat Pengurusan Fleet Profesional yang dianjurkan di PDRM Ipoh pada 25 Mei.

DSP Ding Teow Hing, Ketua Bahagian Pengurusan Daerah Petaling Jaya, menyampaikan ucapan semasa majlis penutup taklimat kereta peronda di Dewan Azam, IPD Petaling Jaya pada 28 Julai.

SPANCO
PENGURUSAN FLEET PROFESIONAL

Lebih 180 pusat servis di seluruh Malaysia disediakan untuk pelanggan SPANCO. Sila hantar kereta anda untuk pemeriksaan sebelum Aidilfitri ini.

Untuk Bantuan Kecemasan, Khidmat Tunda dan Khidmat Nasihat, sila hubungi kami di

TALIAN BEBAS TOL

1-800-88-6999

24 JAM



Tiada gunanya kalau tidak diikat ketat.

Ikat Topi Keledar Anda.
Anda Mampu Mengubahnya.

JKJR
JABATAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

Ramai penunggang motosikal merasakan bahawa dengan hanya memakai topi keledar sahaja sudah mencukupi tetapi topi keledar yang tidak berikat akan tercabut jika berlaku kemalangan. Memakai topi keledar tanpa ikatan samalah seperti tidak memakainya. Sentiasa ikat topi keledar kerana ia boleh menyelamatkan nyawa anda.
Layari **www.PanduCermat.org.my** untuk mengetahui lebih lanjut.

Kementerian Pengangkutan Malaysia